

## **PENILAIAN PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN PENGAJARAN: LAPORAN SOAL SELIDIK PELAJAR**

**SARIFAH ISMAIL**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[sarifah@kuis.edu.my](mailto:sarifah@kuis.edu.my)

**NORZIAH OTHMAN**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[norziah@kuis.edu.my](mailto:norziah@kuis.edu.my)

### ***ABSTRAK***

Penilaian terhadap soal selidik yang dijawab oleh pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan bagi setiap kursus pada setiap semester adalah bertujuan menilai secara keseluruhan keberkesanan pengajaran. Kajian keberkesanan ini dinilai berdasarkan kepada pengujian dan penilaian, penilaian terhadap pengajaran dan penilaian terhadap alat bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah. Oleh kerana tidak ada strategi yang diterima secara universal untuk mencapai pengukuran keberkesanan, penilaian pelajar biasanya digunakan sebagai sumber data utama kerana maklumat mereka antara cara mudah yang boleh dikumpulkan hasil pengukuran terhadap pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari. Pendapat pelajar mewakili asas untuk mengukur bukan sahaja keberkesanan pengajaran, tetapi juga penyertaan aktif dan sikap pelajar terhadap aktiviti akademik yang merupakan faktor penting kepada kejayaan sistem pengajaran. Walau bagaimanapun, penilaian oleh pelajar ini tidak menunjukkan prestasi pengajaran yang sebenar dan hanya dapat mengukur kepuasan pelajar terhadap pensyarah mereka. Secara keseluruhannya prestasi yang diberikan penilaian oleh pelajar adalah cemerlang namun item setiap konstruk soal selidik ini perlu agar ia memberikan penilaian yang lebih terperinci dan relevan pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Keberkesanan, Pengajaran dan Pembelajaran, Penilaian.

### **PENDAHULUAN**

Kualiti pengajaran adalah salah faktor penting untuk memastikan pelajar mencapai hasil pembelajaran yang ditetap bagi sesuatu kursus. Oleh itu keberkesanan pengajaran adalah penting bagi memastikan pelajar mencapai kandungan pengajaran yang disampaikan dan membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian (Wacthel, 2006). Salah satu teknik untuk mengukur keberkesanan pengajaran adalah penilaian yang dibuat oleh pelajar terhadap tenaga pengajar bagi sesuatu subjek (Abdullah et al., 2018).

Penilaian pengajaran yang dibuat oleh pelajar merupakan teknik yang sering digunakan untuk mengukur keberkesanan pengajaran walaupun tiada strategi yang diterima secara universal untuk mencapai pengukuran keberkesanan. Penilaian pelajar biasanya digunakan sebagai sumber data utama kerana maklumat hasil pengukuran terhadap pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari adalah mudah untuk dikumpulkan.

Oleh itu kebanyakan Institut Pengajian Tinggi (IPT) membuat soal selidik pengajaran dan pembelajaran di hujung semester setiap sesi pengajian bagi tujuan pengukur keberkesanannya yang disampaikan walaupun ianya tidak dapat menunjukkan prestasi pengajaran yang sebenarnya. Maka penilaian terhadap konstruk soal selidik perlu dinilai agar ia memberikan penilaian yang lebih terperinci dan relevan pada masa akan datang. Tujuan kajian adalah untuk menganalisis kandungan yang terdapat pada instrumen penilaian pelajar terhadap pensyarah KUIS, dan menganalisis instrumen penilaian pelajar terhadap pensyarah di IPT lain dan kandungannya.

## **SOROTON KAJIAN LEPAS**

Penilaian pelajar terhadap pengajaran pensyarah adalah penting diukur yang disampai untuk menjaga kualiti pengajaran di sesebuah institusi pengajaran. Input yang diperolehi daripada pelajar mengenai pengajaran pensyarah membantu dalam mewujudkan sistem pendidikan yang lebih baik dari masa ke semasa Wachtel (2006). Menurut Spooren et al. (2013) terdapat tiga kepentingan utama penilaian pelajar terhadap prestasi pengajaran pensyarah. Iaitu untuk menambahbaik kualiti pengajaran untuk menilai prestasi pensyarah bagi tujuan kenaikan pangkat dan ganjaran, dan untuk menjadi bukti akauntabiliti universiti dalam menawarkan pendidikan yang berkualiti.

### **Konstruk Pengukuran**

Konstruk atau item pengukuran soal selidik yang digunakan mestilah sah dan boleh dipercayai Wadesango (2011). Ukuran tersebut perlulah mencakupi semua kriteria atau faktor penting yang diambilkira oleh pelajar semasa dalam proses penilaian (Machingambi & Wadesango 2011).

Di antara item yang diukur dalam soal selidik pengajaran adalah komunikasi antara pelajar dan pensyarah. Komunikasi dua hala secara positif antara pensyarah dan pelajar menyumbang penilaian positif pelajar terhadap pensyarah (McCroskey, Fayer, Richmond, Sallinen & Barraclough, 1996; Rocca & McCroskey, 1999). Pensyarah perlu bersifat dinamik, boleh berkomunikasi dengan baik dengan pelajar, peramah, sering membantu dan rasional cenderung mendapat penilaian prestasi yang lebih tinggi daripada pelajar

Faktor keperibadian merangkumi potensi diri, pragmatisme, mesra dan kecekapan intelektual pensyarah mempunyai hubungan yang positif dengan penilaian pelajar terhadap pensyarah (Magno & Sembrano, 2008). Chireshe (2011) juga mendapati pelajar memandang pensyarah mereka sebagai pensyarah yang berkesan jika mereka mempunyai keperibadian hebat yang membina hubungan baik, melibatkan pelajar, adil, berpengetahuan tentang subjek yang diajar.

Kemudahan dan sumber pengajaran juga menyumbang kepada faktor yang mempengaruhi pelajar dalam penilaian. Keadaan dewan kuliah dianggap penting dan mempengaruhi penilaian keberkesanannya pengajaran pensyarah (Ngware & Ndirangu, 2005).

Item lain yang perlu diambil adalah ciri subjek, penyertaan dan perbincangan pelajar juga sepatutnya diambil perhatian dalam penilaian keseluruhan kursus (Rindermann & Schofield, 2001) dan juga belakang sosial dan pendidikan pelajar secara tidak langsung mempengaruhi penilaian pelajar terhadap pensyarah (Holloway, 1988; Rindermann & Schofield, 2001).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan analisis kandungan terhadap item dan konstruk dalam borang soal selidik pelajar KUIS dan dua IPT awam di Malaysia yang akan rujuk kepada IPT 1 dan IPT 2. Item dalam instrumen tiga buah IPT akan dibuat perbandingan untuk mengenal persamaan dan perbezaan item yang diguna untuk penilaian pengajaran.

### **Item soal selidik KUIS**

Jadual 1 menunjukkan konstruk yang diukur dalam soal selidik penilaian pengajaran yang digunakan di KUIS.

ITEM/KONSTRUK	ASPEK PENILAIAN
Pengujian dan Penilaian	Jenis dan kaedah penilaian kursus adalah bersesuaian (tugasan/ ujian/ amali/ peperiksaan akhir/ dll.) Pemarkahan yang diberikan oleh tenaga pengajar adalah telus dan adil.
Penilaian Pengajaran	Perancangan dan penyediaan kursus ini adalah baik Tenaga pengajar berpengetahuan yang mendalam tentang kursus Tenaga pengajar mempunyai kemahiran dalam penyampaian kandungan kursus Tenaga pengajar menggunakan contoh-contoh yang relevan dan terkini Tenaga pengajar meransang minat pelajar dalam kursus berkenaan melalui kreativiti/ inovasi Tenaga pengajar berinteraksi dengan pelajar dan bersedia membantu pelajar Tenaga pengajar mengamalkan ketepatan waktu Penampilan dan sahsiah tenaga pengajar adalah baik
Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	Tenaga pengajar menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian. Tenaga pengajar menggunakan bahan pengajaran yang mencukupi.

Jadual 1: Instrumen penilaian KUIS

Item pengukuran yang digunakan oleh KUIS adalah pengujian dan penilaian, penilaian pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar. Pengujian dan penilaian diukur dengan dua (2) aspek, penilaian pengajaran lapan (8) aspek dan penggunaan bahan bantu mengajar dua (2) aspek.

Pengujian dan penilaian memfokuskan kepada kesesuaian kaedah penilaian dan aspek pemarkahan yang adil dan telus diukur dengan . Manakala aspek penilaian memfokus kepada aspek pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah, ketetapan masa dan shasiah pensyarah item yang ketiga adalah berkaitan keberkesanan alat bantu mengajar yang digunakan..

### **Item soal selidik IPT 1**

Jadual 2 adalah merujuk kepada item pengukuran pengajaran yang dilaksanakan di IPT 1

ITEM	ASPEK PENILAIAN
Ciri pensyarah	Pensyarah hadir ke kelas pada awal 5 minit pertama Pensyarah sentiasa bersedia untuk setiap kelas Pensyarah mengatur sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dengan baik Pensyarah menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan jelas Pensyarah menyatakan penilaian terhadap pelajar berkaitan subjek dengan jelas
Ciri Subjek	Hasil pembelajaran dinyatakan dengan jelas dalam sukatan pelajaran Tugasan yang diberikan membantu saya memahami subjek ini
Mahasiswa	Saya menepati masa ke kelas Saya bertanya soalan jika saya tidak faham/ memerlukan penjelasan lanjut Saya menyelesaikan semua tugas yang diberikan
Summer dan Kemudahan Pembelajaran	Buku-buku yang terdapat di perpustakaan adalah yang terkini Saya mudah mendapatkan sumber rujukan berkaitan dengan subjek yang saya pelajari di perpustakaan Komputer yang terdapat di makmal komputer adalah mencukupi
Keseluruhan prestasi	Pensyarah secara keseluruhannya telah melaksanakan pengajaran dengan baik

Jadual 2: Instrumen penilaian IPT 1

#### **Item penilaian IPT mengandungi 5 konstruk iaitu:**

Item soal selidik IPT 2 iaitu ciri pensyarah yang diukur , ciri subjek, mahasiswa, sumber dan kemudahan dan pembelajaran dan keseluruhan prestasi. Ciri pensyarah di ukur dengan lima (5) aspek, subjek diukur dengan dua (2) aspek, mahasiswa diukur dari tiga aspek, Sumber dan kemudahan pembelajaran diukur dengan 3 aspek dan keseluruhan prestasi satu (1) aspek.

Ciri pensyarah memfokuskan kepada aspek pengajaran yang disampaikan dan pengujian yang dilaksanakan oleh oleh pensyarah dan ketetapan masa. Ciri subjek menekan penilaian tehadap kandungan silibus subjek yang diajar. Manakala ciri mahasiswa memfokuskan aspek sahsiah dan komitmen pelajar terhadap subjek. Sumber dan kemudahan menilai aspek kemudahan perpustakaan dan kemudahan makmal komputer.

#### **Item soal selidik IPT 2**

Item Pengajaran pensyarah	Aspek
---------------------------	-------

Penguasaan bahan	Penyediaan bahan pengajaran yang lengkap
kaedah penyampaian yang jelas	Kaedah penyampaian yang jelas dan menarik Penguasaan dan keyakinan dalam penyampaian
Dedikasi dan komitmen semasa penyampaian kursus	Dedikasi dan komitmen semasa penyampaian kursus
Menepati masa	Pensyarah menepati masa
Memberi layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar	Memberi layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar

Jadual 3: Instrumen soal selidik penilaian IPT 2

Item penilaian di IPT 2 mengandungi lima (5) kriteria pengajaran yang memfokuskan kepada aspek pengajaran oleh pensyarah dari segi penguasaan bahan, penyampaian yang jelas, dedikasi dan komitmen, menepati masa dan layanan terhadap pelajar.

### Perbandingan Item Penilaian

Jadual empat (4) menunjukkan item pengukuran penilaian pengajaran di antara tiga (3) IPT yang dianalisa telah menilai aspek yang sama dari segi ciri pensyarah, dan bahan bahan pengajaran. Item penilaian KUIS tidak menilai aspek mahasiswa dan kemudahan pengajaran.

Pelaksanaan penilaian pengajaran kepada pelajar di IPT 1 dan IPT 2 adalah dengan menggunakan sistem manakala di KUIS masih dijalankan secara manual dan soal selidik penilaian dianalisis oleh pensyarah

Oleh itu dari perbandingan item penilaian didapati instrumen penilaian KUIS telah merangkumi aspek utama penilaian dan mempunyai kesamaan dengan penilaian di IPT lain. Dari segi pelaksanaan penilaian pengajaran di KUIS, laporan soal selidik di analisa oleh pensyarah di akhir semester.

Secara keseluruhannya penilaian pengajaran di IPT memfokus kepada kriteria penilaian yang melibatkan ciri dan kualiti penyampaian oleh pensyarah dan keberkesanannya alat bantuan mengajar yang digunakan.

	<b>KUIS</b>	<b>IPT 1</b>	<b>IPT 2</b>
<b>Item</b>	<b>3 item</b>	<b>5 item</b>	<b>5 item</b>
	Penilaian dan Pegujian	Ciri pensyarah	Penguasaan bahan
	Penilaian Pengajaran	Ciri subjek	Kaedah penyampaian yang jelas
	Penggunaan bahan bantu mengajar	Mahasiswa	Dedikasi dan komitmen
		Sumber dan kemudahan pengajaran	Menepati masa
		Keseluruhan Prestasi	Memberi layanan sama rata kepada semua dan mesra pelajar

## RUMUSAN

Dari analisa instrumen penilaian didapati ciri atau kualiti yang dimiliki oleh pensyarah memainkan peranan penting dalam menentukan penilaian prestasi mereka oleh pelajar (Liebermen, 2008). Ia memberi kesan positif kepada kepuasan pelajar dan imej universiti dan seterusnya kesetiaan pelajar.

Alat bahan mengajar yang interaktif dan mudah difahami juga merupakan faktor yang mempengaruhi penilaian pelajar dan membantu pelajar untuk memahami kandungan pelajaran yang disampaikan.

Sumber dan kemudahan pembelajaran juga faktor penting yang mempengaruhi prestasi pensyarah. Kemudahan pembelajaran (LCD dan lain-lain) dan sumber pembelajaran (E-learning dan perpustakaan) mempengaruhi penilaian pelajar terhadap keseluruhan prestasi pensyarah.

Kesesuaian kandungan subjek, tahap kesukaran hasil pembelajaran dan sebagainya sepatutnya diambil kira dalam item penguruan.

## CADANGAN

Secara keseluruhan item pengukuran penilaian pengajaran di KUIS telah mengambil kira item yang penting iaitu ciri pensyarah, alat bantuan mengajar dan ciri subjek. Oleh itu untuk penambahbaikan di masa akan datang elemen mahasiswa dan kemudahan sumber pembelajaran dan pengajaran boleh dimasukkan dalam item penilaian.

Pelaksanaan analisis soal selidik dilakukan melalui sistem penilaian yang dibangunkan atau menggunakan google form yang dimuat naik dalam MyLMS dan dianalisis dapatannya oleh bahagian yang berkaitan dan bukan diproses oleh pensyarah untuk memastikan ketepatan data laporan soal selidik penilaian pengajaran.

## REFERENCES

- Abdullah et al 2018. Factors Influencing Students' Evaluation on Lecturer's Teaching Performance. *Jurnal Personalia Pelajar* 21(1): 1-9
- Aruguete, M.S., Slater, J., & Mwaikinda, S. R. 2017. The Effects of Professors' Race and Clothing Style on Student Evaluations, *The Journal of Negro Education*, 86(4): 494-502
- Bembenutty, H. 2009. Teaching effectiveness, course evaluation, and academic performance: The role of academic delay of gratification. *Journal of Advanced Academics* 20(2):326-355.
- Chireshe 2011. Effective and Ineffective Lecturers: University Students' Perspective in Zimbabwe. *The anthropologist* 13(4).
- Holloway, 1988; Rindermann & Schofield, 2001. Generalizability of Multidimensional Student Ratings of University Instruction Across Courses and Teachers. *Research in higher education*, 42: 377–399.
- Machingambi & Wadesango 2011. University Lecturers' Perceptions of Students Evaluation of Their Instructional Practices. *The anthropologist* 13(3): 167 - 174.
- Rocca, K.A., & McCroskey, J.C. (1999). The Interrelationship of Student Ratings of Instructors' Immediacy, Verbal Aggressiveness, Homophily, and Interpersonal Attraction. *Communication Education*, 48, 308-316.
- Remedios, R. & Lieberman, D. A. 2008. I liked your course because you taught me well: the influence of grades, workload, expectations and goals on students' evaluations of teaching. *British Educational Research Journal* 34(1): 91-115.

Richardson, J. T. E. 2005. Instruments for obtaining student feedback: A review of the literature. *Assessment and Evaluation in Higher Education* 30(4): 387-415.

Spooren, P. 2010. On The Credibility of the Judge: A Cross-Classified Multilevel Analysis on Student Evaluations of Teaching. *Studies in Educational Evaluation* 36(4): 121-131

Stroebe, W. 2016. Why Good Teaching Evaluations May Reward Bad Teaching: On Grade Inflation and Other Unintended Consequences of Student Evaluations, *Perspectives on Psychological Sciences*, 11(6):800-816.